

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

SFA nasihat orang ramai tidak guna gula-gula Kingu Ginseng

Produk didakwa dicampur dengan ubat untuk merawat mati pucuk

Singapura: Agensi Makanan Singapura (SFA) menasihati orang ramai supaya tidak membeli atau menggunakan gula-gula Kingu Ginseng dari Malaysia.

Setelah pihaknya mengesan gula-gula itu dicampur dengan tadalafil iaitu ubat preskripsi mujarab yang digunakan untuk merawat mati pucuk.

SFA menjelaskan bahawa produk itu berasal dari Malaysia dan ia dipasarkan melalui pelbagai platform e-dagang tempatan sebagai gula-gula yang boleh memberi kesan terhadap peningkatan seksual lelaki.

"SFA bekerjasama dengan pelbagai platform e-dagang dalam talian untuk memadam penyenaaran produk itu, di samping mengeluarkan amaran terhadap penjual terbabit supaya elak menjual produk berkenaan ser-

ta-merta.

"SFA tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang menjual dan membekalkan produk berkenaan yang dikesan mengandungi bahan terlarang atau mempunyai bahan kimia yang kuat," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, SFA berkata, tadalafil perlu diberikan di bawah pengawasan perubatan dan penggunaan yang tidak sesuai adalah berbahaya serta boleh meningkatkan risiko kesan buruk serius.

Ita termasuk boleh menyebabkan serangan jantung, strok, saki kepala, migrain, degupan jantung tidak teratur dan priapisme (ereksi menyakitkan dan terlalu lama).

Risiko masalah jantung

Selain itu, tadalafil juga boleh menimbulkan risiko serius kepada individu tertentu termasuk mereka yang mempunyai masalah berkaitan jantung serta berpotensi mengakibatkan tekanan darah rendah sehingga boleh mengancam nyawa yang mengambil ubat jantung, terutama yang mengandungi nitrat.

Penjualan makanan tidak selamat tidak dibenarkan di bawah Seksyen 15 Akta Jualan Maka-

nan Singapura. Jika didapati bersalah, mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan akta berkenaan boleh didenda tidak melebihi \$5,000 (RM17,563).

Dalam kes sabitan kedua atau seterusnya, didenda tidak melebihi \$10,000 (RM35,121) atau dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.


Sementara itu, tinjauan BH di farmasi sekitar Kuala Lumpur, mendapati walaupun gula-gula ginseng itu dilaporkan keluaran Malaysia, namun ia tidak dijual oleh mana-mana premis yang dilawati.

Pembantu jualan di sebuah farmasi yang hanya mahu dikenali sebagai Hui Shan, berkata ubat berkenaan tidak pernah dijual di farmasi tempat beliau bekerja itu.

Seorang lagi pembantu jualan yang mahu dikenali Ser Fang, berkata farmasi berkenaan tidak menjual apa jua jenis ubat yang tidak diluluskan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Ubat seperti itu dibimbangi akan memudaratkan kesihatan pengguna dalam jangka masa pendek mahupun panjang, jadi pihak farmasi tidak mahu mengambil risiko menjual ubat berkenaan," katanya.

BERNAMA



Produk Kingu yang didakwa boleh beri kesan buruk kepada kesihatan.